


Tidak Ada Maknanya, Jika Kejayaan Hanya Untuk Seketika

Oleh: Haji Mohidin Haji Mustapha

Sempena menyambut 'Idul Fitri 1426 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

(Bersambung ke muka 3)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

- 5** Brunei, Negara Islam Pertama Terbitkan Sujuk Al-ljarah Jangka Pendek
- 6** AYAT AL-QUR'AN: Adakah Yang Masih Tertinggal?

- 14** Hajj (Pilgrimage) By A Pregnant Woman
- 17** Suatu Penyesalan Yang Berkesan

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

HARI RAYA PENGERT SILATURRAHIM



Tahun 9 Bilangan 4 Ramadhan - Zulkaedah 1426 / Oktober - Disember 2005

Salah satu perkara yang penting di dalam rukun hidup manusia ialah perhubungan atau perasaan silaturrahim di antara manusia dengan manusia, lebih-lebih lagi di antara sesama keluarga. Hubungan silaturrahim ini penting kerana sesuatu umat itu tidak akan menjadi kuat atau kukuh jika umat tersebut dalam keadaan berpecah-belah dan tidak menjalinkan rasa muhibbah di antara satu sama lain.

Di dalam al-Qur'an surah an-Nisâ' ayat 1, kita disuruh menghubungkan kasih sayang (mengerat silaturrahim) dan di larang memutuskannya terutama antara ibu bapa dan anak-anak, antara saudara dengan saudara dan sebagainya. Begitu juga perkara ini banyak disebutkan di dalam hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Ayat dan hadis-hadis tersebut memahamkan kepada kita bagaimana agama Islam itu membina kekuatan di atas paksi silaturrahim di antara sesama umat, dimulai dari peringkat yang pertama iaitu sesama keluarga terlebih dahulu.

Umat atau bangsa itu ialah golongan manusia yang bermula dari satu keluarga, dari sebuah

rumahtangga disatukan dengan beberapa buah rumahtangga, maka menjadilah ia sebuah kampung. Kemudian dari sebuah kampung disatukan dengan satu kampung yang lain menjadilah ia mukim lalu menjadi sebuah daerah, negeri atau negara.

Bagi kita umat Islam, walau di manapun kita berada kita tetap bersaudara, tidak kira bangsa, keturunan atau warna kulit kerana sebagai umat Islam, umat Nabi Muhammad, kita adalah satu umat yang menghadap ke arah satu kiblat yang sama.

Bersempena dengan sambutan 'Idul Fitri yang baru saja kita rayakan, diserukan kepada sekalian umat Islam agar sentiasa mengekalkan tali silaturrahim sama ada dalam hubungan dengan keluarga atau masyarakat. Kita jadikan budaya bermaaf-maafan dan ziarah menziarahi di Hari Raya itu sebagai jambatan penghubung silaturrahim di antara kita, bukan saja kita lakukannya di Hari Raya bahkan mempraktikkannya di setiap hari dan masa. Biarlah kegembiraan di Hari Raya itu dapat kita rasakan sepanjang masa bukan khusus di Hari Raya sahaja. ■

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari
bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah,
Pengaruh Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha
Ketua Bahagian
Penerbitan dan Penerangan

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat
Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail
Awang Osman Abu Bakar

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar
Awang Osman bin Abu Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ehsan Foto
kepada:*

*Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam*

(Dari ke muka 1)

bertitah bahawa tidak ada maknanya jika kejayaan yang dinikmati itu hanya untuk seketika sahaja. Tetapi kejayaan besar adalah kejayaan yang mampu bertahan lama atau kejayaan mutlak dengan memperolehi syurga Allah Ta'ala sebagaimana yang ditegaskan di dalam al-Qur'an. Baginda bertitah demikian sempena menyambut 'Idul Fitri 1426 yang lalu yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Untuk mendapatkan kejayaan dalam bentuk itu, titah baginda lagi, usaha perlu selari dengan matlamat di mana hanya usaha baik dapat menyampaikan kita kepada matlamat yang baik. Di dunia ini, titah baginda, barangkali semua orang atau bangsa mempunyai matlamat yang baik-baik belaka, tetapi ternyata tidak semua yang berjaya mencapainya. Contohnya, dalam perkara keamanan dan perdamaian, tidak ada siapapun yang terkecuali daripada menjadikannya matlamat mereka. Tetapi oleh kerana, ada usaha yang tidak selari dengan matlamat, maka keamanan dan perdamaian itu tidak dapat lahir menjadi kenyataan.

Ini makanya, titah baginda, di dalam agama kita, apa jua yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia, adalah bulat-bulat dilihat sebagai tanggungjawab penuh mereka. Jika Allah mengurniakan kebajikan, ianya adalah selaras dengan usaha-usaha mereka yang baik. Sementara jika berlaku malapetaka atau kesengsaraan, ianya juga berpunca daripada usaha-usaha jahat manusia sendiri. Firman Allah dalam surah asy-Syûrâ ayat 30 tafsirnya: "Apa jua yang menimpa kamu daripada sesuatu musibah, ianya adalah disebabkan oleh tangan kamu sendiri yang melakukannya, namun (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian daripada dosa-dosa kamu."

Berdasarkan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah: "Salah satu usaha kita yang baik, supaya kita sentiasa diberkati dengan kebajikan ialah dengan mengasuh azam yang baik serta menjelmakannya ke dalam perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan kita yang baik pula. Janganlah ada yang tidak baik, kerana yang tidak baik itu adalah penyakit, sama ada ianya penyakit akhlak ataupun penyakit jiwa. Kita adalah sama-sama menginginkan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, anakanda dan adinda baginda sama-sama menadah tangan mengaminkan doa sebaik sempurnanya menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri.

supaya menjadi bangsa yang baik, yang tidak sakit, yang dicintai serta diredhai oleh Allah."

Sementara itu, pada sebelah paginya, hari Jumaat, 1 Syawal, 1426 bersamaan 4 November, 2005, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah di ibu negara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



Di antara para jemaah yang menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah.

KDYMM TERAWIH BERSAMA RAKYAT

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Ramadhan datang dan Ramadhan pergi. Kedatangannya dinanti-nanti, kepergiannya pula ditangisi. Begitulah kelebihan bulan Ramadhan yang tidak terdapat di bulan-bulan yang lain.

Selain menunaikan ibadat puasa sepanjang bulan Ramadhan, kita juga dituntut untuk menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan amal ibadat seperti bertadarus dan sembahyang sunat Terawih.

Dengan kelebihan menunaikan sembahyang Terawih saja, masjid, surau dan balai ibadat di negara ini dipenuhi oleh para jemaah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk bersama-sama rakyat baginda menunaikan sembahyang sunat Terawih di beberapa buah masjid mencetuskan lagi semangat merebut pahala di bulan Ramadhan itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik juga berangkat bersama baginda.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda baginda bukan saja menunaikan sembahyang fardhu Isya' dan sunat Terawih di masjid-masjid yang berdekatan di Daerah Brunei dan Muara, tetapi baginda dan anakanda baginda juga menunaikannya di Masjid Kampong Pandan, Daerah Belait.

Baginda dan anakanda baginda menunaikan sembahyang sunat Terawih antaranya di Masjid Perumahan Negara Lambak Kanan, Masjid Perumahan Negara Kampong Mentiri, Masjid Mohamed Bolkiah, Masjid Lambak Kiri, Masjid Kampong Bunut dan Masjid Kampong Pandan, Daerah Belait.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda baginda ketika berangkat menunaikan sembahyang fardhu Isya' dan sunat Terawih di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri.



Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda baginda untuk menunaikan sembahyang fardhu Isya' dan sunat Terawih di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lambak Kiri, Berakas dijunjung dan dialu-alukan oleh para jemaah.

(Dari muka 24)

Umat Islam mesti mewarisinya kerana al-Qur'an adalah pusaka ketuhanan.

"Jika terhadap harta benda manusia suka berebut, mengapa tidak terhadap al-Qur'an? Al-Qur'an adalah khazanah langit yang tidak pernah tuhis. Semakin ia dibaca dan dihayati semakin banyak imbalannya," titah baginda.

Kerana itulah tegas baginda, al-Qur'an tidak boleh dipinggirkan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah anakanda-anakanda dan adinda baginda,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Di Majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada pemenang Pertandingan Menghafaz

Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-Surah Pilihan Peringkat Akhir sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an.

Bagi menyerikan majlis, ceramah khas telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Untuk memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Brunei, Negara Islam Pertama Terbitkan Sukuk Al-Ijarah Jangka Pendek

Oleh: Haji Mohidin Haji Mustapha

Sempena menyambut 'Idul Fitri 1426 yang baru lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah, mulai awal tahun 2006 kerajaan baginda melalui Kementerian Kewangan akan mengadakan satu pasaran modal yang bersandarkan hukum syara' melalui penerbitan Sukuk Al-Ijarah.

Buat permulaan, titah baginda: "Kita akan menerbitkan Sukuk Al-Ijarah Jangka Pendek yang mempunyai tempoh kematangan tiga bulan. Namun, insyâ Allah, tempoh itu akan dilanjutkan dari masa ke semasa mengikut kesesuaiannya. Dengan ini, Negara Brunei Darussalam adalah negara Islam pertama yang menerbitkan Sukuk Al-Ijarah jangka pendek."

Menurut baginda lagi: "Objektif utama penerbitan Sukuk Kerajaan ini, selain

daripada untuk perkembangan pasaran modal, ia juga dihasratkan untuk menggalakkan pihak-pihak lain termasuk pihak korporat utama dalam negara supaya menerbitkan Sukuk-sukuk Islam mereka masing-masing. Dengan ini dapatlah diharapkan akan mengurangkan pergantungan mereka itu kepada bank-bank untuk mendapatkan sumber dana."

Di samping itu, titah baginda lagi, objektif penerbitan sukuk ini juga akan memberi peluang kepada pihak-pihak awam untuk melabur dalam projek-projek dalaman kita berdasarkan prinsip-prinsip hukum syara'. Selain itu serba sedikit, ianya juga diharapkan akan mengurangkan jumlah aliran dana keluar dari negara.

Apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu adalah sesuatu



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena menyambut 'Idul Fitri 1426, yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei.

yang patut kita banggakan. Ia adalah visi seorang raja, seorang pemerintah dengan niat yang ikhlas untuk membantu rakyat dan penduduknya sama ada dalam soal perekonomian, perniagaan mahupun dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan rutin sehari-hari.

IMK TANDATANGANI KONTRAK E-GOVERNMENT

Oleh: Osman Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri maju setapak lagi dengan penandatanganan Kontrak E-Government dengan ITIS Wescot Technology Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani kontrak berkenaan telah diadakan di Syuura 3, Tingkat 1, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada 5 Zulkaedah, 1426 bersamaan 7 Disember, 2005 yang lalu.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan ialah Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan sementara Awang Roger Yap Sze Yeow, Pengarah ITIS Wescot Technology Sdn. Bhd. menandatangani bagi pihak syarikatnya.



Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan Dato Paduka Ahmad Bukhari (kiri) berjabat tangan dengan Awang Roger Yap Sze Yeow setelah selesai Majlis Menandatangani Kontrak berkenaan

AYAT AL-QUR'AN: Adakah Yang Masih Tertinggal?

Soalan:

Apakah reaksi Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* tentang al-Qur'an, adakah Nabi mengikutinya seratus peratus atau mempertimbangkan sebelum menyampaikan kepada sahabat-sahabat dan seterusnya kepada umat Islam amnya? Harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Pehin.



Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَوَالَاةٍ ، اللَّهُمَّ هِدَايَةَ
لِلصَّوَابِ ، وَبَعْدُ

Di antara aqidah orang yang beriman itu ialah percaya kepada rasul-rasul Allah. Ini jelas difirmankan Allah:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ
رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا
نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا
وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

(سورة البقرة : ٢٨٥)

Tafsirnya: "Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman, semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seseorang dengan yang lain daripada rasul-rasulNya". Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami taat". (Kami pohonkan) keampunanMu

wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali."

(Surah al-Baqarah: 285)

Perintah beriman kepada rasul-rasul ini, telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi kita Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya, sebagaimana firmanNya:

قُلْ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا
أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ
وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا
أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالْكِتَابَ
مِنْ رَبِّهِمْ لَا نَفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ
وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

(سورة آل عمران : ٨٤)

Tafsirnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang diturunkan kepada nabi-nabi: Ibrahim, dan Ismail, dan Ishak, dan Ya'qub, dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada nabi-nabi: Musa, 'Isa, dan sekalian nabi-nabi daripada Tuhan mereka. Kami tidak membezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah jualah kami berserah diri (Islam)."

(Surah Ali 'Imran: 84)

Begitu juga wajib kita beriman bahawa rasul-rasul Allah itu bersifat dengan

empat sifat iaitu:

- Amanah (*al-amānah*).
- Benar (*ash-shidq*).
- Bijaksana (*al-fathānah*).
- Menyampaikan (*at-tabligh*).

Apabila wajib bagi rasul-rasul itu bersifat dengan empat sifat yang tersebut, maka dengan sendirinya mustahil bagi mereka itu bersifat dengan lawan bagi sifat-sifat tersebut seperti di bawah ini iaitu:

- Khianat (*al-khiyānah*).
- Bohong (*al-kadzib*).
- Lalai (*al-ghaflah*).
- Menyembunyikan (*al-kitmān*).

Maka adalah mustahil bagi para rasul itu bersifat dengan empat sifat ini kerana berlawanan dengan tugas mereka sebagai penyampai risalah terutama bagi sifat menyembunyikan (*al-kitmān*) apatah lagi untuk mengubah atau menukar ayat-ayat yang diwahyukan kepada mereka. Firman Allah Ta'ala:

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٌ قَالَ
الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا آتَتْ بِقُرْءَانٍ
غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدَّلَهُ قُلْ مَا يَكُونُ لِي أَنْ
أَبْدِلَهُ مِنْ تِلْقَائِي نَفْسِي إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا
يُوحَىٰ إِلَيَّ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي
عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

(سورة يونس : ١٥)

Tafsirnya: "Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh harapan menemui Kami (untuk menerima balasan): "Bawalah al-Qur'an yang lain daripada ini, atau tukarkanlah dia." Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak berhak menukarkannya dengan kemahuanku sendiri, aku hanya tetap menurut apa yang diwahyukan kepadaku sahaja. Sesungguhnya aku takut, jika aku menderhaka kepada Tuhanku, akan azab hari yang besar (soal jawabnya)."

(Surah Yunus: 15)

FirmanNya lagi:

يَا أَيُّهَا الرُّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ
مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا
بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ

(سورة المائدة : ٦٧)

Tafsirnya: "Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa jua yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya." (Surah al-Mâ'idah: 67)

Menurut sebuah riwayat daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha berkata:

مَنْ حَدَّثَكَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَتَمَ شَيْئًا مِنَ
الْوَحْيِ فَلَا تُصَدِّقْهُ إِنَّ اللَّهَ
تَعَالَى يَقُولُ (يَا أَيُّهَا الرُّسُولُ بَلِّغْ
مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ
تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ)

(رواه البخاري)

Maksudnya: "Barang siapa mengatakan kepada engkau bahawasanya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menyembunyikan sesuatu wahyu, janganlah engkau percaya, bahawasanya Tuhan berfirman: "Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa jua yang

telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Maka daripada keterangan yang di atas, jelas bahawa Nabi Muhammad dan juga semua para rasul Allah itu tidak bersifat menyembunyikan yang boleh mencacatkan tugas mereka sebagai pesuruh Allah.

Daripada Anas bin Malik berkata:

جَاءَ زَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ يَشْكُو
فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يَقُولُ أَتَقِي اللَّهَ وَأَمْسِكَ
عَلَيْكَ زَوْجَكَ ، قَالَتْ عَائِشَةُ
لَوْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَاتِمًا شَيْئًا لَكَتَمَ
هَذِهِ

(رواه البخاري)

Maksudnya: "Telah datang Zaid bin Haritsah (kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam) mengadu (akan hal isterinya Zainab binti Jahsy). Maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Bertaqwalah engkau kepada Allah dan pegang teguhlah isterimu (jangan ceraikan isterimu)". Berkata 'Aisyah: "Jika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam itu menyembunyikan sesuatu (daripada ayat-ayat al-Qur'an) nescaya Baginda akan menyembunyikan (ayat) ini."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Ayat itu ialah firman Allah Ta'ala:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ
وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ
وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ
مُبْدِيهِ وَتَحْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ
تُخْشَاهُ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا

زَوْجَنَكَهَا لَيْكِي لَا يَكُونَ عَلَى
الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ
إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ
اللَّهِ مَفْعُولًا

(سورة الأحزاب : ٣٧)

Tafsirnya: "Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang engkau juga telah berbuat baik kepadanya: "Jangan ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah", sambil engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah menyatakannya, dan engkau pula takut kepada (cacian) manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti (melanggar perintahNya). Kemudian setelah Zaid selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku."

(Surah al-Ahzâb: 37)

Menurut riwayat daripada Ali bin Husain mengenai ta'wil firman Allah (وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ) yang bermaksud: "... engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah menyatakannya ..." yang dikeluarkan oleh al-Hakim, at-Tirmidzi, Ibnu Jarir, Ibnu Abu Hatim dan al-Baihaqi bahawa Allah telah mewahyukan kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam (sebelum dia mengahwini Zainab binti Jahsy) sesungguhnya Zainab Radhiallahu 'anha akan menjadi salah seorang isterinya. Maka tatkala datang Zaid bin Haritsah (suami Zainab) kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam mengadu (akan hal isterinya yang tidak mentaatinya), Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepadanya (Zaid): "Bertaqwalah engkau

(Bersambung ke muka 8)

MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA IRAN

Oleh: Osman Abu Bakar

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Mr. Abbas Talebifar, Duta Besar Republik Islam Iran yang menetap di Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Pehin di Darul Ifta Brunei Darussalam pada 26 Syawal, 1426 bersamaan 28 November, 2005 yang lalu.

Tuan Yang Terutama Mr. Abbas Talebifar telah menyebarkan Surat Tauliah Perlantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Zulhijjah, 1426 bersamaan 3 Februari, 2005 yang lalu.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menerima Kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Mr. Abbas Talebifar, Duta Besar Republik Islam Iran di pejabat Yang Berhormat di Darulifta Brunei Darussalam.

(Dari ke muka 7)

dan peganglah isterimu (jangan ceraikan dia)". Maka Allah menegur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dengan wahyuNya: "Sesungguhnya Kami telah memberitahu kepadamu (Muhammad) bahawa Kami akan mengkahwinkan engkau dengannya (Zainab), sedang engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah menyatakannya". (Ad-Durr al-Mantsûr fî at-Tafsîr bi al-Ma'tsûr 5/203 dan Tafsîr Ibnu Katsîr 3/540)

Maka, jika Nabi itu ada menyembunyikan sesuatu daripada ayat al-Qur'an, nescaya sudah tentu ayat ini yang akan disembunyikannya.

Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bukan sahaja menyampaikan apa yang diwahyukan kepada sahabat-sahabatnya di dalam ayat ini, bahkan mengikuti segala perintah dan larangan di dalam ayat ini dan seluruh isi al-Qur'an. Firman

Allah:

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِمْ بِآيَةٍ قَالُوا لَوْلَا
أَجْتَبَيْتَهَا قُلْ إِنَّمَا أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰ
إِلَيَّ مِنْ رَبِّي

(سورة الأعراف : ٢٠٣)

Tafsirnya: "Dan Apabila engkau (wahai Muhammad) tidak membawa kepada mereka sesuatu ayat al-Qur'an (sebagaimana yang mereka kehendaki), berkatalah mereka (secara mengejek): "Mengapa engkau tidak bersusah payah membuat sendiri akan ayat itu?" Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanya menurut apa yang diwahyukan kepadaku daripada Tuhanku."

(Surah al-A'râf: 203)

Begitulah juga para sahabat Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menyampaikan isi al-Qur'an kepada generasi-generasi seterusnya iaitu para tâbi'in dan tâbi' at-tâbi'in hinggalah sampai kepada kita dengan tidak ada satu ayat pun disembunyikan, diubah dan sebagainya, sesuai dengan janji Allah Subhanahu Wata'ala:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ
لَحَافِظُونَ

(سورة الحجر : ٩)

Tafsirnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

(Surah al-Hijr: 9)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

BENGKEL PENYUNTINGAN BUKU DI BUKIT TINGGI, PAHANG

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali



Awang Haji Yakob bin Haji Metali dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Safar ketika bergambar ramai dengan peserta bengkel dan pembimbing bengkel Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan.

Dua orang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Yakob bin Haji Metali, Ketua Pegawai Perhubungan Awam dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Safar, Penyemak Kanan Penerbitan Fatwa telah menghadiri Bengkel Penyuntingan Buku anjuran Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Bengkel yang berlangsung pada 25 - 27 Syawal, 1426 bersamaan 28 - 30

November, 2005, di sebuah hotel di Bukit Tinggi, Pahang dihadiri oleh 42 orang staf editorial penerbit-penerbit buku dan majalah institusi pengajian tinggi, staf yang terlibat dalam bidang penerbitan dan juga para penulis.

Menurut pihak penganjur, antara objektif bengkel ialah untuk memantapkan pengetahuan tentang tugas dan tanggungjawab seseorang penyunting dan untuk membekalkan dengan idea

dan pemikiran baru yang berguna dalam pemantapan profesional mereka.

Bengkel dibimbing oleh Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan, Ketua Penerbit Universiti Malaya dengan menentengahkan 7 modul. Antaranya, Tugas Editorial Dalam Penerbitan, Proses Penyuntingan, Penyuntingan Naskhah, Bahan Rujukan Untuk Editor dan Ekonomi Penerbitan.

MUFTI KERAJAAN BERCERAMAH DI UBD

Oleh: Osman Abu Bakar

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah diundang untuk menyampaikan ceramah di Majlis Khatam Al-Qur'an dan Sambutan Nuzul Al-Qur'an serta Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Penubuhan Universiti Brunei Darussalam ke-20 Tahun.

Majlis anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu diadakan di Masjid Universiti, Gadong pada 23 Ramadhan, 1426 bersamaan 27 Oktober, 2005 yang lalu.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,



Suasana di Masjid Universiti Brunei Darussalam ketika Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menyampaikan ceramah.

timbalannya Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman; Naib Canselor UBD,

Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan pensyarah-pensyarah serta siswa siswi UBD.

BENGKEL PENYUNTINGAN TESIS KE BUKU & BENGKEL PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU ILMIAH DI LANGKAWI

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istibat dan Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama telah menghadiri Bengkel Penyuntingan Tesis Ke Buku yang berlangsung pada 14 -16 Syawal, 1426 bersamaan 17 - 19 November, 2005 di sebuah hotel di Langkawi.

Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Penerbitan Universiti Malaya itu antara lain bertujuan untuk memandu editor tentang cara pemerolehan tesis untuk penerbitan, melatih editor membantu pengarang dalam mengubah tesis menjadi manuskrip dan membantu editor menyunting manuskrip tesis menjadi buku.

Sebanyak 8 modul telah dibengkelkan.

Antaranya Tugas Dan Tanggungjawab Editor, Prinsip Kebolehterbitan Tesis dan Teknik Pengubahsuaian Tesis Ke Buku.

Pada 18 - 20 Syawal, 1426 bersamaan 21 - 23 November, 2005 pula mereka menghadiri Bengkel Penulisan Dan Penerbitan Buku Ilmiah di tempat yang sama.

Sebanyak 9 modul telah dibengkelkan merangkumi perbincangan mengenai

dengan dunia penerbitan dan kedudukan penerbitan ilmiah, teknik penulisan buku ilmiah, aspek bahasa dalam penulisan dan pemasaran ilmiah.

Bengkel dibimbing oleh Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan, Ketua Penerbit Universiti Malaya; Prof. Madya Dr. Md Sidin Ahmad Ishak, Pensyarah Jabatan Pengajian Media dan Prof. Dr. Awang Saryan.

Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istibat dan Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama bersama peserta Bengkel Penulisan Dan Penerbitan Buku Ilmiah yang berlangsung di Sebuah Hotel di Langkawi.



Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istibat dan Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama bergambar ramai dengan peserta Bengkel Penyuntingan Tesis ke Buku dan Pembimbing bengkel Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan, Ketua Penerbit Universiti Malaya.



SEMINAR WANITA PROFESIONAL DI UNIVERSITI MALAYA

Oleh: Osman Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dalam usahanya untuk membentuk pegawai dan kakitangannya yang berpengetahuan dan berkemahiran telah menghantar dua orang pegawainya iaitu Dayang Hajah Raenah binti Haji Hamid, Ketua Pegawai Perpustakaan dan Dayang Noraini binti Haji Buntar, Pegawai Istibat, untuk menghadiri Seminar Wanita Profesional selama dua hari pada 27 hingga 28 Syawal, 1426 bersamaan 29 hingga 30 November, 2005. Seminar tersebut diadakan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala

Lumpur, Malaysia dan dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCFD).

Bersesuaian dengan temanya 'Ke Arah Melahirkan Kepimpinan Dan Kualiti Wanita Profesional', seminar tersebut antara lain bertujuan untuk melahirkan kepimpinan dan kualiti wanita profesional yang bersesuaian dan selaras dengan wawasan pembangunan era baru.

Di samping itu, seminar itu juga diharap dapat membentuk wanita

professional yang mempunyai kualiti kepimpinan, keterampilan, kepakaran, profesionalisme, misi dan visi perjuangan untuk membantu negara dan membangunkan masyarakat. Ianya juga dihasratkan untuk membantu dan memberi pengetahuan yang berguna kepada wanita untuk meningkatkan kepimpinan mereka dan ciri profesional mereka.

Di samping pembentangan sebanyak 15 kertas kerja, seminar ini juga disisipi dengan sesi forum dan dialog.

PENYEMBELIHAN IBADAT KORBAN SYIAR ISLAM YANG JELAS, SYIAR YANG MESTI DIPERTAHANKAN

Oleh: Osman Abu Bakar

Pada zaman keterbukaan dan kebebasan berfikir mutakhir ini ada pendapat yang mengatakan manfaat korban lebih sesuai diambil kira daripada semata-mata soal syi'ar. Dalam makna lain, daging korban patut diganti dengan nilai wang untuk dibahagi-bahagikan kepada penerimanya, dengan alasan, daging sudah amat lumrah dan malah senang diperolehi, atau memang bagi setengah orang tidak memerlukan langsung daging, kerana adanya penyakit dan seumpamanya. Menurut pendapat tersebut, ini lebih menggembirakan mereka yang menerimanya kerana dapat digunakan bagi keperluan yang lebih dihajati.

Namun ulama yang arif tidak bersetuju dengan pendapat ini. Mereka lebih melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh akal. Mereka berpendapat korban tidak boleh ditukar dengan nilai atau harga untuk tujuan memenuhi keperluan fakir miskin yang memerlukan. Mereka melihat tujuan ibadat korban itu memang untuk menumpahkan darah haiwan. Sekiranya tujuan itu ditukar dengan harga, nescaya tidak akan ada lagi orang yang berminat melakukan penyembelihan ibadat korban, sedangkan amalan ini adalah syi'ar Islam yang jelas, yang tersirat daripada peristiwa Nabi Ibrahim 'Alaihissalam menyahut perintah Allah Ta'ala supaya menyembelih anak Baginda, Nabi Ismail 'Alaihissalam.

Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ketika menyampaikan

ucapata dan merasmikan Seminar Ibadat Korban, anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 17 Zulkaedah, 1426 bersamaan 19 Disember, 2005 yang lalu.

Yang Berhormat Pehin seterusnya menjelaskan syi'ar mesti dipertahankan sekalipun kelihatan sekecil habuk. Menurutnya, syi'ar apabila dikaitkan dengan Islam, terjemahannya adalah Islam itu sendiri.

Memetik hadis yang bermaksud: "Tiada amalan yang lebih dikasihi oleh Allah daripada sembelihan korban. Sembelihan itu datang pada Hari Kiamat dengan tanduk, kuku dan bulunya. Darah korban mendapat tempat di sisi Allah sebelum lagi ia sempat jatuh ke bumi. Oleh sebab itu elokkanlah korban kamu." (Hadis *hasan ditakhrij* at-Tirmizi daripada 'Aisyah), Yang Berhormat Pehin menjelaskan hadis tersebut menunjukkan ibadat korban itu tidak habis di situ sahaja. Bukan soal daging atau nilai semata-mata, malahan kehadiran sembelihan korban dengan kuku, tanduk dan bulu adalah menjadi ukuran.

Menurutnya lagi, apabila syi'ar itu dihayati selaku ibadat, maka kemanfaatannya akan diterima pada Hari Kiamat kelak.

"Penyembelihan korban, kalau boleh, elok disaksikan oleh ahli keluarga serta anak-anak remaja, kerana di sebalik



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ketika menyampaikan ucapata di Seminar Ibadat Korban.

syi'ar ini terkandung pendidikan yang amat berharga. Ia mengasuh jiwa muda supaya berani. Orang-orang yang tidak pernah menyaksikan penyembelihan haiwan-haiwan, mungkin sahaja, apabila berhadapan dengan detik-detik kecemasan, mereka akan takut dan *panic*. Inilah satu lagi hikmah ibadat korban. Di samping menanam semangat suka berkorban, ia juga menjadi penawar kepada sifat-sifat bakhil dan penakut.

"Itulah pengertian secara khusus ibadat korban. Ia adalah satu syi'ar. Tujuan dan hikmahnya adalah tersendiri. Kerana itu ia tidak patut ditukar ganti. Ia mestilah dikekalkan dalam bentuknya yang asal itu," tegas Yang Berhormat Pehin.

DELEGASI KONGRES UKUR ASIA TENGGARA KELAPAN LAWAT BALAI PAMERAN

Oleh: Osman Abu Bakar

Seramai 120 orang delegasi yang menghadiri Kongres Ukur Asia Tenggara Ke-8 di negara ini telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Darulifta Brunei Darussalam pada 26 Syawal, 1426 bersamaan 28 November, 2005 yang lalu.

Sebelum memulakan lawatan, para delegasi dari Negara-negara Asia Tenggara termasuk dari Switzerland, Perancis, Amerika, Italy dan India itu telah diberikan taklimat mengenai sejarah dan perkembangan balai pameran oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan.

Sepanjang lawatan itu para delegasi telah diberi penerangan mengenai bahan-bahan yang dipamerkan dan mereka merasa

kagum dan berminat dengan bahan-bahan koleksi yang dipamerkan seperti mushaf

al-Qur'an, manuskrip dan bahan-bahan pameran yang lain.



Rombongan delegasi ketika mendengarkan taklimat yang diberikan sebelum dibawa melawat balai pameran.

Mentakmir Masjid Jabatan



Suasana sepanjang Majlis Tadarus Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, di beberapa buah masjid yang dipilih dengan diketuai oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dan dihadiri sama oleh ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JPM.

Sebagai sumbangan dalam menyemarakkan lagi suasana di bulan Ramadhan pada tahun ini, seperti juga ditahun-tahun terdahulu, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan projek mentakmir masjid dengan aktiviti bertadarus, bertahlil dan bersungkal.

Aktiviti tersebut selain untuk ber'*itikaf*' dalam masjid dan menghantar pemimpin ke masjid yang memberi manfa'at khususnya kepada penduduk setempat untuk dapat bersilaturahmi dengan penduduk dan jemaah masjid.

Pada tahun ini sebanyak enam buah masjid sekitar Daerah Brunei Darussalam, Masjid Universiti Brunei Darussalam, Masjid Kampong Salambi, Masjid Sultan Syarif 'Ali, Sengkurong, Masjid Perpindahan Lamayan bermula 6 -13 Ramadhan, 1426 bersamaan dengan 10 - 17 Oktober 2005 berhalalqah, bertahlil dan berbuka puasa, di samping itu beberapa buah masjid diserahkan ke beberapa buah masjid oleh jabatan-jabatan penyelia masjid.

Majlis Khatam al-Qur'an bagi tadarus tersebut telah diadakan di beberapa buah masjid pada 15 Ramadhan, 1426 bersamaan dengan 19 Oktober, 2005. Majlis tersebut dihadiri oleh bacaan surah-surah lazim beramai-ramai dan bacaan tadarus oleh kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis tersebut terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada tahun ini projek mentakmir masjid Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Percetakan Kerajaan.



Masjid di bulan Ramadhan **an Perdana Menteri** *& Jabatan-Jabatan di bawahnya*

Oleh: Pengiran Ibrahim PHB



Majlis Khatam al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

p ganjaran pahala, iannya juga bertujuan untuk mewujudkan konsep pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan sebagai satu kegiatan mitsali masjid.

an Muara telah dipilih bagi mengisikan aktiviti tersebut iaitu Masjid Jubilee Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kanan dan Masjid Kampong Pelambayan. Ianya diadakan 2005 dengan aturcaranya membaca al-Qur'an secara sumbangan wakaf berupa perkakas kegunaan masjid juga telah gara.

asjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan is dimulakan dengan bacaan surah al-Fâtihah diketuai oleh beberapa orang pegawai ahnya. Lebih 500 orang telah hadir ke majlis pegawai kanan serta kakitangan

an jabatan-jabatan di bawahnya dikendalikan itan Perkhidmatan Awam,



Hajj (Pilgrimage)

By A Pregnant Woman

Question:

Is it permissible for a pregnant woman to perform the obligatory *hajj*?

Answer:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَعْدُ.

The *hajj* is a religious obligation that was re-introduced by the Prophet Muhammad *Ṣallallāhu 'alaihi wasallam* in pursuance of a similar religious obligation that was prescribed to the Prophet Ibrahim *Ṣallallāhu 'alaihi wasallam*. The *hajj* is one of the Pillars of Islam. It is obligatory upon a legally capable Muslim when all conditions are fulfilled.

Evidence for its obligatoriness can be found in the Qur'an and the *ahādīth* of the Prophet *Ṣallallāhu 'alaihi wasallam*. Allah *Ta'āla* says:

وَاتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

(سورة البقرة: ١٩٦)

Meaning: "And perform the *hajj* and 'umrah (minor *hajj*) to Mecca for Allah."

(*Sūrah al-Baqarah*: 196)

The *hajj* is obligatory once in a lifetime upon a *mukallaf* (legally capable person) who has fulfilled all conditions, including the ability to perform it, as Allah *Ta'āla* says:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ
أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

(سورة آل عمران: ٩٧)

Meaning: "And *hajj* to the House of Allah is a duty to Allah for mankind, for him who can find a way thither."

(*Sūrah Āli 'Imran*: 97)

One's ability to perform the *hajj* can be divided into two:

- One is able to perform the *hajj* unaided.
- One is able to perform the *hajj* through an intermediary.

For one to be considered able to perform the *hajj* unaided, one has to fulfil the following conditions:

- One has sufficient funds for both the out- and inbound journey, the duration of the performance of the obligatory *hajj*, and subsistence for those under one's responsibility; the available amount exceeds one's debt.
- There must be available an airplane, ship, bus or the like, either owned by oneself or for which one has the capacity to hire at a regular rate relative to time and place. The condition of the availability of vehicle is permitted for a pilgrim who lives far from Makkah al-Mukarramah at a distance of some two *marḥalahs* or more, that is at a distance which permits the shortening of prayer.

The meaning of ability to perform the *hajj* also connotes the absence of heavy burden or difficulty. Indeed, pregnant women, according to experts on pregnancy, are advised to have more rest, to have more healthy drinks and high-protein foods, and to avoid heavy work that may cause exhaustion and fatigue, particularly during the early and late months of pregnancy. The aim is to achieve a smooth

delivery that brings about strong babies and healthy mothers.

Hajj is not an easy matter; its execution requires prime health and a fit body since the activities during the *hajj* expose one to difficulties and exhaustion, especially upon pregnant women.

It is important to bear in mind that despite the obligatoriness of the *hajj*, sick people and pregnant women who are advised by an honest medical doctor not to perform the *hajj* for health reasons are not expected to perform it at once. Rather they are permitted to delay until the next season. Nevertheless, they must be determined and show strong will to perform it the coming year if they no longer have valid excuses.

Imam Ibn Hajar says in *az-Zawājir*: "The 148th grave sin befalls those who miss the *hajj* when they have the ability and power to perform it before their death."

Imam Ibn Hajar introduces several prophetic traditions when discussing the error of those who do not perform the *hajj* when they have the ability to perform it. Among these *ahādīth*: it was reported by Imam Baihaqi that 'Abdullah bin Thabit heard from a Companion, Abu Umamah, that the Prophet *Ṣallallāhu 'alaihi wasallam* has said:

مَنْ لَمْ تَحْبِسْهُ حَاجَةً ظَاهِرَةً أَوْ
مَرَضٌ حَاسِرٌ أَوْ سُلْطَانٌ جَائِرٌ
وَلَمْ يَحْجْ فَلَيْمَتْ إِنْ شَاءَ
يَهُودِيًّا وَإِنْ شَاءَ نَصْرَانِيًّا

(رواه البيهقي)

Meaning: "Whoever is not imprisoned or prevented by urgent circumstance or serious illness or unjust ruler and does not perform the *hajj*, then let him die as he wishes to be, a Jew or a Christian."

In summary, in determining whether a pregnant woman may perform the *hajj* or not, it is proper to refer her case to an honest medical expert for detailed explanation or necessary advice related to her proposal.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

LEBIH 200 PENUNTUT LAWAT JMK

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali



Lebih 200 orang penuntut telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam dalam beberapa rombongan sebagai projek mereka di akhir sesi persekolahan 2005.

Pada hari Sabtu 19 November, 2005 lebih 100 orang penuntut berserta guru Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Mereka telah diberi taklimat berhubung dengan sejarah perkembangan institusi fatwa, bermula dari sejarah awal penubuhannya di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama sehingga menjadi sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Selain itu penuntut-penuntut juga diberi maklumat berhubung dengan fungsi dan peranannya sebelum dibawa melawat Pameran Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa dan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Penuntut-penuntut Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan diberikan taklimat sebelum dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.



Sebahagian Penuntut Maktab SOAS ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Pada hari Selasa 22 dan Sabtu, 26 November, 2005 seramai hampir 70 penuntut berserta guru Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan lebih 70 orang penuntut Sekolah Sukan, mengadakan lawatan serupa.



Mushaf yang besar ini menarik perhatian penuntut-penuntut Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong ketika mereka melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Sebahagian penuntut Maktab SOAS mengambil kesempatan bergambar ramai bersama guru mereka sebelum masuk melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.



(Tokoh Ulama Asy-Syafi'e)

HARMALAH

Oleh: Hj. Mohd. Nur Lubis bin Abd. Razak

Harmalah bin Yahya bin Abdullah bin Harmalah bin 'Imran bin Qurad at-Tujibi. Dibangsakan kepada Tujibi nama salah satu suku dan kawasan di Mesir. Lahir pada tahun 166H dan wafat di Mesir pada tahun 243M.

Guru-guru Harmalah antara lain ialah Imam asy-Syafi'e, Abdullah bin Wahb, Ayyub bin Suwaid ar-Ramli, Bisyr bin Bakar at-Tinnisi, Sa'id bin Abu Maryam dan lain-lain. Manakala murid-murid dan periwayat-periwayat hadisnya antara lain ialah Muslim dan Ibn Majah.

Periwayat Mazhab

Harmalah adalah salah seorang murid dan ulama besar mazhab asy-Syafi'e daripada *thabaqat* pertama. Beliau turut mengembangkan mazhab ini dengan mengajar dan membukukan pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'e secara tersendiri yang diberi nama "*Kitâb Harmalah*". Dalam mukaddimah kitab *Fiqh al-'Ibâdât 'alâ al-Mazhab asy-Syafi'e* terdapat catatan berikut: "Imam asy-Syafi'e meninggalkan ramai murid di Mesir seperti Harmalah bin Yahya, periwayat kitab-kitab asy-Syafi'e yang tidak diriwayatkan ar-Ruba'i". Harmalah juga menyusun kitab-kitab lain seperti kitab *al-Mabsûth*, kitab *al-Mukhtashar* dan kitab *al-Imlâ'*.

Ahli Hadis

Dalam periwayatan hadis nama beliau tercatat dalam beberapa salasilah periwayatan sesetengah hadis yang terdapat dalam kitab-kitab induk hadis, seperti dalam kitab *Shahîh Muslim*, kitab *Sunan Ibnu Majah* dan kitab *al-Mustadrak* oleh al-Hakim. Dalam *Shahîh Muslim* terdapat pada bahagian Kitab al-Masâjid wa Mawâdhi', bab halangan ash-Shalâh mengenai periwayatan hadis 'Itban min Malik Radiallahu 'anhu, dan mengenai periwayatan peperangan Khandag daripada hadis Abu Hurairah dan lain-lain periwayatan. Dalam *Sunan Ibnu Majah* pula ialah mengenai periwayatan larangan membuang najis di tengah jalan dan periwayatan suruhan selepas bangun tidur supaya membasuh tangan terlebih dahulu sebelum memasukkan tangan ke dalam bejana. Begitu juga halnya dalam kitab-kitab tafsir seperti dalam tafsir *Jâmi'* al-Bayân susunan Imam ath-Thabari juz 4 ketika mentafsirkan ayat:

بَلِ اللَّهِ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ
الشَّاكِرِينَ

(سورة الزمر: ٦٦)

Dalam mentafsirkan surah az-Zumar ayat 66 ini terdapat hadis yang di dalam periwayatannya tercatat nama Harmalah. Disebutkan bahawa Harmalah adalah orang yang paling banyak mengambil periwayatan daripada Abdullah bin Wahb.

Seorang Tsiqah Dan Tsabat

Ketokohan Harmalah terserlah apabila beliau digolongkan sebagai salah seorang imam ahli hadis Mesir dan *faqih* zamannya, seorang hafiz hadis, *tsiqah* dan *tsabat*. Taraf *tsiqah* seseorang bermakna dia dipercayai dalam periwayatan hadis. Walaupun sesetengah ulama ada yang menganggap hadisnya tidak bertaraf hujah, tetapi anggapan ini ditolak oleh ulama lain yang telah mengkaji secara mendalam hadis-hadis yang diriwayatkannya. Imam as-Subki *Rahimahullah* mencatatkan kedudukan ini seperti berikut: "Sesetengah ulama ada yang mempertikai Harmalah, seperti Abu Hatim yang berkata: "Dia tidak dijadikan hujah". Tetapi Ibnu 'Adiy menolaknya dengan berkata: "Saya telah mengkaji secara mendalam hadis Harmalah dan banyak yang telah saya teliti, tetapi saya tidak menemui ada hadisnya yang patut dilemahkan kerana hanya dengan sebab Ibnu Wahb menyembunyikan diri dalam keluarga Harmalah, dan diandaikan semua hadis Ibnu Wahb telah berpindah kepada Harmalah dan boleh jadi tidak berpindah kepada orang lain". Kemudian Imam as-Subki *Rahimahullah* berkata: "Aku berkata: "Inilah yang benar dan Harmalah adalah seorang *tsiqah* lagi *tsabat insyâ'* Allah". Cerita Ibnu Wahb berada di lingkungan keluarga Harmalah bermula apabila pihak berkuasa, iaitu Abbâd bin Muhammad bin Yahya memintanya menjadi kadhi Mesir, tetapi Ibnu Wahab enggan, lalu menyembunyikan diri di kediaman Harmalah selama setahun enam bulan. Dalam kesempatan inilah Harmalah mengambil hadis-hadis riwayat Ibnu Wahb. Berdasarkan riwayat Ahmad bin Salih al-Misri, Ibnu Wahb telah menghimpun seratus dua puluh ribu hadis; setengah daripadanya telah

berpindah kepada Harmalah. Tetapi mengikut riwayat Muhammad bin Musa al-Hadhrâmi kesemua hadis Ibnu Wahb telah berpindah kepada Harmalah melainkan dua hadis.

Kata-kata Asy-Syafi'e Riwayat Harmalah

Banyak kata-kata mutiara Imam asy-Syafi'e riwayat Harmalah. Antara lain:

1. Sesiapa yang menjadi khalifah menerusi pedang (kekerasan) sehinggalah dia dipanggil khalifah, kemudian orang ramai taat setia kepadanya, maka dia adalah khalifah sekiranya dia berasal daripada suku Quraisy dan anggota suku ini pula turut menyokongnya, serta mereka sembahyang Jumaat di belakangnya. Jika tidak, maka dia adalah tukang *bid'ah*.
2. Sesiapa yang ingin mendalami ilmu pengetahuan, dia adalah keluarga Abu Hanifah.
3. Khalifah itu lima: Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman, 'Ali dan 'Umar bin Abdul Aziz.
4. Aku tidak pernah bersumpah di atas nama Allah, sama ada dalam perkara yang benar atau bohong dan sama ada yang betul-betul atau main-main.
5. Sesiapa daripada kalangan orang-orang yang adil menyangka dia telah melihat jin, maka kesaksiannya tidak kami terima, melainkan para nabi berdasarkan firman Allah Ta'ala:

إِنَّهُمْ يَرْتَكِبُونَ مَا يَكْفُرُونَ بِهِ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

(سورة الأعراف: ٢٧)

Tafsirnya: "Sesungguhnya jin dan golongannya melihat kamu dalam keadaan kamu tidak melihat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Radiallahu 'anhu

(Rujukan: Asy-Syirazi, *Thabaqât al-Fuqahâ'*, Abu 'Ashim Muhammad bin Ahmad al-'Abbadi, *Kitâb Thabaqât al-Fuqahâ' asy-Syafi'iyyah*, Taj ad-Din as-Subki, *Thabaqât asy-Syafi'iyyah al-Kubrâ*, Asy-Syarbini, *Mughnî al-Muhtâj* dan Hajjah Dariyah al-'Ithah, *Fiqh al-'Ibâdâh 'alâ al-Mazhab asy-Syafi'e*)

Suatu Penyesalan Yang Berkesan

Oleh: Abu Qasim Ismail

Malik bin Dinar Radhiallahu 'anhu adalah seorang wali Allah yang sangat terkenal dengan kewarakannya. Beliau berjiran dengan seorang pemuda yang banyak melakukan kerja-kerja yang mendatangkan dosa dan bermacam-macam maksiat sehingga ramai orang kampung tidak suka kepadanya.

Pada suatu hari telah datang beberapa orang kampung mengadukan hal kepada Malik meminta supaya beliau menasihati pemuda tersebut berpindah dari kampung itu agar mereka semua terlepas daripada dosa yang dilakukannya.

Dengan ditemani oleh beberapa orang kampung, Malik bin Dinar bersetuju memanggil pemuda itu untuk menasihatinya.

Malik berkata: *"Wahai saudara! Engkau telah membuat berbagai kejahatan dan dosa di kampung ini. Jadi orang-orang kampung telah mengadukan hal dirimu setiap hari kepadaku. Sekarang sama ada engkau mahu ubah kelakuanmu yang jahat itu serta bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala ataupun engkau pindah sahaja dari kampung ini supaya tidak menyusahkan orang-orang di sini dan mereka juga tidak menyusahkan engkau. Aku ikhlas memberikan nasihat ini kepadamu dengan baik."*

Malik bin Dinar merenung wajahnya sambil mengharap agar dia bersetuju dengan cadangan itu. Kalau bertaubat pun baik, kalau tidak biarlah dia keluar saja dari kampung ini supaya tidak mengacau orang-orang kampung yang memang sudah bosan dengan perangainya itu.

Pemuda itu menjawab: *"Wahai Malik, aku tinggal di rumahku sendiri, rumahku itu adalah milikku sendiri. Kalau aku buat apapun, aku hanya buat di dalam rumahku. Kenapa ada orang mahu masuk campur dalam hal ehwal hidupku?"*

Tapi engkau mesti hormati orang-orang di kampung ini," nasihat Malik.

"Kalau kelakuanmu itu baik, tentu mereka tidak memperkatakan apa-apa kepadamu

sebagaimana orang-orang lain yang tinggal di sini," sambungnya lagi.

"Itu aku tidak peduli. Aku boleh buat sesuka hatiku di dalam rumahku. Kamu semua tidak boleh memaksa aku keluar dari rumahku sendiri," pemuda itu memberi kata putusya.

"Baiklah, jika engkau tidak mahu mendengar nasihatku dan tidak mahu keluar dari rumahmu itu, aku akan adukan perkara ini kepada Sultan," kata Malik bin Dinar dengan penuh emosi.

"Adukanlah kepada Sultan, aku sanggup bertanggungjawab dan bersedia menghadapinya," pemuda itu mencabar sambil tersenyum sinis.

"Baiklah," kata Malik sambil termenung sejenak.

"Kalau begitu biarlah aku adukan hal engkau ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala sahaja, aku akan doakan ke atasmu," bentak Malik lagi.

"Engkau hendak doakan ke atasku kepada Allah Subhanahu Wata'ala?" katanya pura-pura terkejut.

"Silakan, Allah Ta'ala itu lebih lagi bersifat rahmat dan belas kasihan daripada tuan-tuan yang berada di sini," jawab pemuda itu lagi dengan nada keras.

Tak lama kemudian pemuda itu pun keluar dari rumah Malik dengan keadaan yang amat marah sekali. Malik dan orang-orang kampung yang hadir tidak dapat berbuat apa-apa. Memang benar apa yang dikatakan oleh pemuda itu. Akhirnya Malik mengambil keputusan untuk memohon doa kepada Allah Ta'ala agar Dia menunjukkan segala hal yang baik-baik dan memudahkan menghadapi masalah ini.

Pada malam itu Malik mengangkat kedua belah tangannya ke langit untuk mendoakan ke atas orang yang jahat itu, maka dengan tiba-tiba Malik terdengar suatu suara ghaib mengatakan:

"Wahai Malik bin Dinar! Jangan engkau berani mendoakan dia, kerana dia itu adalah di antara para waliKu!"

Malik terpegun seketika sambil terduduk memikirkan apa yang didengarnya tadi. Beliau tidak jadi berdoa. Hati beliau tertanya-tanya siapakah sebenarnya pemuda itu? Suara itu mengatakan bahawa dia adalah wali Allah.

Malik tidak sabar lagi menunggu waktu pagi. Setelah hari semakin larut malam Malik bin Dinar dengan segera keluar meninggalkan rumahnya terus menuju ke rumah pemuda itu untuk mengetahui apa yang dilakukannya. Malik terus mengetuk pintu rumahnya dan memberi salam. Pemuda itu segera datang dan terus membuka pintu dengan merayu:

"Janganlah tuan keluarkan aku dari rumahku ini!" Kata pemuda itu sambil suaranya terputus-putus.

Malik juga terkejut mendengar ucapan itu. Rupa-rupanya pemuda itu menyangka Malik bin Dinar datang untuk menghalaunya dari rumahnya. Beliau mengagak mungkin hal itu telah mempengaruhi hati dan pemikirannya.

"Bukan itu maksud kedatanganku," jawab Malik.

Belum sempat Malik menerangkan lebih panjang lebar tentang sebab-sebab kedatangannya pada malam itu, tiba-tiba pemuda itu telah meluahkan isi hatinya:

"Aku mohon berbanyak-banyak maaf tentang kelakuanku yang tidak sopan siang tadi," kata pemuda itu.

"Aku tahu aku tidak patut berkata sesuatu yang kurang sopan kepada engkau dan orang-orang kampung tadi. Sekali lagi aku mohon maaf," katanya sambil menengis tersedu-sedu.

"Sebenarnya..." belum sempat Malik memulakan pertanyaan, pemuda itu cepat memotong cakapnya.

"Baiklah, aku sedia ikut nasihatmu

seperti yang engkau katakan siang tadi. Aku akan keluar dari kampung ini besok juga," katanya dengan nada yang agak sedih.

"Bukanlah itu maksud kedatanganku malam-malam begini," Malik menerangkan kepadanya.

Tetapi wajah pemuda itu tetap juga muram. Beliau tidak hiraukan apa sahaja yang diperkatakan oleh Malik bin Dinar kepadanya. Sekarang beliau betul-betul merasa insaf di atas dirinya yang selama ini telah banyak membuat perkara-perkara yang mendatangkan dosa dan sia-sia.

"Engkau dengar tidak, apa yang aku katakan ini? Malik bertanya lagi kepadanya,

Tetapi rupa-rupanya pemuda ini masih dalam keadaan berkhayal. Malik cuba lagi mengejutkannya dengan mengulangi kata-katanya sebelum ini.

"Wahai pemuda, dengarlah," kata Malik memujuk.

"Aku datang ke sini bukan kerana hendak menghalaumu, tetapi aku datang ke mari untuk memberitahumu sesuatu yang luar biasa telah berlaku mengenai dirimu sekejap tadi," terang Malik bersungguh-sungguh.

Setelah kata-kata itu barulah Malik melihat pemuda itu memberikan perhatiannya dengan penuh minat.

"Apa yang berlaku?" Tanyanya.

"Apabila aku hendak mendoakan ke atasmu, tiba-tiba aku terdengar suatu suara ghaib..." kata Malik tetapi sekali lagi disampuk oleh pemuda itu.

"Suara ghaib? Suara ghaib apa?" Katanya terkejut.

"Suara ghaib mengatakan kepadaku supaya aku tidak mendoakan ke atasmu kerana engkau adalah salah seorang daripada wali Allah," terang Malik.

Malik bersungguh-sungguh menerangkan kepadanya dan kini beliau merasa lapang dada kerana sudah terkeluar rahsia yang hendak beliau sampaikan kepada pemuda

itu.

Pemuda itu terkejut dan terpegun sejenak. Kemudian terdengar daripadanya tangisan yang kuat sekali: "Aku daripada wali Allah! Aku daripada wali Allah!"

Rupa-rupanya berita itu memberi kesan yang mendalam kepada dirinya. Bila Tuhan hendak memberi taufiq dan hidayat kepada seseorang tidak ada siapa pun yang dapat menghalanginya. Sudah tentulah Tuhan lebih tahu siapa orangnya yang patut diberikan semua itu. Manusia sering melihat kepada kulit, namun tempat penglihatan Allah *Subhanahu Wata'ala* adalah isi atau batin manusia itu sendiri.

Sejak malam itulah dia telah bertaubat daripada perbuatannya dan sebelum matahari terbit di pagi hari itu pemuda itu telah bertukar kulit sehinggalah lama kelamaan nyatalah dia sangat menonjol sebagai seorang kekasih Allah dan waliNya. Ramai orang dari jauh datang menziarah dan menemuinya, di samping orang-orang kampung itu sendiri yang datang setiap hari ke rumahnya untuk menuntut ilmu dan juga meminta pandangan nasihat daripada beliau.

Pada tahun itu juga Malik bin Dinar pergi menunaikan ibadat haji ke Makkah. Pada suatu hari sewaktu beliau duduk di dalam masjid untuk berteduh di salah satu dinding untuk berehat, tiba-tiba Malik melihat ramai orang berkumpul melihat sesuatu di sudut hadapan masjid. Hairan mengapa orang ramai berkumpul di situ, lalu Malik pun bangun menuju ke tempat itu.

Sampai di situ Malik melihat ada orang yang sedang terbaring di atas tanah. "Siapa gerakan orang ini?" Kata Malik di dalam hati. Malik cuba merenung-renung wajahnya dari dekat, maka barulah beliau teringat bahawa dia itu adalah jirannya yang beliau mendengar suara ghaib mengatakan dia itu sebenarnya seorang wali Allah.

Malik bin Dinar sangat terkejut melihat keadaannya begitu, sehingga menyebabkan beliau sedih dan menangis. Beliau amat-amati lagi keadaannya dan kini barulah beliau tahu bahawa pemuda itu sedang menghadapi *sakaratul-maut*. Malik terus menangis, suaranya tidak

dapat ditahan-tahan lagi.

Mendengar suara tangisan beliau, tiba-tiba pemuda itu membuka matanya dan tersenyum, katanya: "Wahai Malik!"

"Saya," jawab Malik pendek.

"Kita berjumpa lagi di sini rupanya!"

"Ya," kata Malik lagi.

"Wahai Malik!" Suaranya agak rendah sekali.

Malik cuba mendekatkan telinga ke mulut pemuda itu kerana ingin mendengar kata-katanya yang terakhir.

"Mudah-mudahan Tuhanku akan mengampunkan semua dosa-dosaku dan perbuatan burukku selama ini dan mudah-mudahan Dia merahmati pula segala ratapan batinku ini!" Suara pemuda itu berhenti.

Sebentar kemudian tampak seolah-olah dia gagahi mengumpulkan nafas barunya untuk menyambung bicaranya itu.

"Wahai Malik!" Suaranya agak perlahan kali ini.

"Saya," jawab Malik.

"Aku telah tinggalkan isteriku, keluargaku dan negeriku. Aku tinggalkan semua itu kerana aku malu kepadamu dan segala apa yang pernah aku lakukan dulu, tetapi engkau hanya seorang makhluk Allah sahaja... Bagaimana pula nanti jika aku berdiri di hadapan Allah Yang Maha Agung, aku tentulah lebih malu lagi! Aku harapkan belas kasihNya..." Kata-katanya terhenti di situ.

Nafas itu terhenti di situ dengan satu tarikan nafas yang panjang sekali. Pemuda itu pun meninggal dunia. Mudah-mudahan Allah mencucuri rohnya dengan rahmat. Amin! *Wallahu 'Alam*.

Dipetik dari kitab Mukhtashar Raudhah ar-Rayyâhin fi Manâqib Ash-Shâlihîn karangan Syekh al-'Allamah al-Yafi'i terjemahan Abu Mazaya al-Hafiz.

PENGLIHATAN HILAL SYAWAL 1426

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Beberapa orang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyertai Hakim-Hakim Syarie dan pegawai Mahkamah-mahkamah Syaria'iah, Jabatan Perdana Menteri, dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama para pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan telah melakukan penglihatan anak bulan Syawal, 1426 pada petang hari Rabu 29 Ramadhan, 1426 bersamaan 2 November, 2005 di Bukit Shahbandar, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.



Selepas membaca wirid sunat, tangan ditadah memohon ke hadhrat Illahi agar kerja-kerja yang dilakukan mendapat hidayah dan inayahNya jua.

Sebelum melakukan rukyah, ahli rombongan terlebih dahulu menunaikan sembahyang fardhu Asar berjemaah, membaca wirid-wirid sunat, dan membaca surah Yâsin.

Selain di Bukit Shahbandar, penglihatan anak bulan juga dilakukan di Bukit Ambok dan Padang Tembak Bukit Agok di Daerah Tutong, dan Bukit Lumut, Daerah Belait.

Walaupun cuaca selepas hujan, yang menyebabkan awan menyelubungi tempat hendak dirukyah, namun Hakim-hakim Syarie dan para pegawai Mahkamah Syaria'iah, Jabatan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama para pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan tetap berusaha merukyah hilal Syawal.



Rakaman TV sempena Idul Adha dan Ibadat Korban

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Dalam rangka untuk memberikan ilmu dan seberapa banyak maklumat tentang ibadat korban, selain menganjurkan Seminar Ibadat Korban, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri juga mengusahakan menerbitkan rancangan 'Idul Adha dan Ibadat Korban bersama pihak Radio dan Televisyen Brunei.

Rancangan 6 episod itu didahului oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan bercakap mengenai dengan pengertian, hikmah, keutamaan dan pengajaran korban.

Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istibat bercakap mengenai dengan menghayati hukum berkorban, berwakil melaksanakan korban dan tanggungjawab pengurus korban. Sementara Awang Haji Maznan bin Haji Yusof Ketua Pegawai Penyelidik Ugama pula bercakap mengenai daging korban dan permasalahannya.

Rancangan tersebut dirakam di Darulifta Brunei Darussalam pada 24 dan 26 Disember, 2005 dan disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei bermula 3 Januari, 2006.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika persiapan sebelum rakaman dijalankan di Darulifta Brunei Darussalam pada 26 Disember 2005.



Awang Haji Japar bin Haji Maidin menekankan betapa pentingnya peranan berwakil dalam melaksanakan ibadat korban.



Awang Haji Maznan bin Haji Yusof ketika menjelaskan beberapa masalah yang sering ditanyakan berhubung dengan daging ibadat korban.

POLIGAMI

Oleh: Hajah Safiyah binti Haji Tuah

Poligami dari sudut bahasa ialah menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Mengikut Kamus Dewan, poligami bererti amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama.

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

فَأَنكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ
مَثْنَى وَثُلَّةَ وَرُبْعَ فَإِنْ حَقَّكُمْ آلَا
تَعَدَّلُوا فَوَاحِدَةً

(سورة النساء: ٣)

Tafsirnya: "Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat, kemudian jika kamu takut tidak akan berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang saja..."

(Surah an-Nisâ': 3)

Melalui ayat tersebut, Allah menjelaskan tentang keharusan seseorang lelaki untuk berpoligami dan menentukan kadar yang dibolehkan. Ayat ini juga memperingatkan supaya berlaku adil di antara mereka, jika merasa takut tidak mampu berbuat demikian maka adalah lebih baik berkahwin seorang sahaja agar tidak berlaku penganiayaan dan kezaliman.

Sebab-sebab Berlakunya Poligami

Setiap ayat di dalam al-Qur'an menetapkan sesuatu hukum tidak hanya terikat dengan sesuatu hukum atau peristiwa sahaja. Sebaliknya ia mengandungi pelbagai hikmah dan rahsia-rahsia yang boleh diketahui melalui penjelasan hadis Rasulullah. Begitu juga dengan keharusan hidup berpoligami. Di antara sebab-sebabnya:

1. Isteri Mandul

Apabila seseorang isteri itu didapati mandul dan telah menjalani pelbagai usaha untuk mendapatkan zuriat namun masih tidak berhasil, tentulah

suaminya akan merasa putus harapan untuk mendapatkan keturunan. Dalam keadaan ini Islam membolehkan suami untuk melaksanakan poligami kerana dengan jalan inilah suami boleh mendapatkan zuriatnya daripada isteri yang lain.

2. Isteri Menderita Sakit Yang Berpanjangan

Apabila ini berlaku sudah pasti isteri tersebut tidak dapat menjalani kehidupan dan hubungan suami isteri sebagaimana lazimnya. Begitu juga dalam mendidik dan mengasuh anak-anak.

3. Tabiat Kemanusiaan Suami Memerlukan Isteri Lebih Dari Satu

Jika cara poligami ini tidak wujud, kemungkinan besar lelaki yang tidak dapat mengawal diri dan nafsunya mencari jalan yang tidak sah untuk memenuhi tabiat kemanusiaannya itu. Sebab itulah poligami di haruskan.

4. Jumlah Kaum Wanita Lebih Ramai Dari Lelaki

Kesan daripada perkembangan penduduk dan peperangan yang sering berlaku telah melahirkan ramai janda. Sedangkan nasib wanita-wanita janda ini adalah suatu keadaan sosial yang perlu dibela dan diambil perhatian dengan memberikan perlindungan. Dengan adanya poligami hal ini dapat dikurangkan.

5. Isteri Sukar Dididik

Terdapat juga sebahagian kecil kaum isteri yang sukar dibentuk dan dididik sikapnya untuk menjadi isteri yang lebih baik dan positif. Sikap degil dan tidak menghiraukan kewujudan suami, sering menimbulkan kemarahan suami. Jika ini berlaku suami boleh memilih sama ada untuk menceraikannya atau berkahwin lagi dengan wanita lain atau meneruskan perkahwinannya dan pada masa yang sama mengahwini wanita lain bagi mententeramkan hatinya dan mendapat layanan yang lebih baik di samping isteri itu dapat memberikan contoh

kepada isteri yang terdahulu.

6. Suami Selalu Musafir

Kadang-kadang terdapat suami yang sering bertugas di luar negara dalam jangka masa yang lama. Tetapi dia tidak mampu untuk membawa ahli keluarga bersama. Sedangkan dalam masa yang sama dia tidak mampu menjalani hidup bersendirian. Maka dalam hal ini dia dibenarkan untuk berpoligami bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Syarat-Syarat Poligami

Berikut adalah di antara syarat-syarat poligami yang telah digariskan oleh syara':

i. Pembatasan Jumlah Isteri

Allah telah membataskan jumlah maksimum untuk berpoligami adalah seramai empat orang sahaja, sebagaimana yang tersebut dalam surah an-Nisâ': 3.

ii. Wanita Yang Dikumpulkan Itu Bukan Bersaudara

Islam telah menetapkan bahawa poligami itu adalah untuk memelihara institusi keluarga Muslim dan memelihara kaum wanita. Oleh itu Islam melarang keras seseorang lelaki menghimpunkan kakak dengan adik, ibu dengan anak dalam satu masa. sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ
مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ
كَانَ فَنِجْشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا

(سورة النساء: ٢٢)

Tafsirnya: "Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu, kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya (perbuatan) itu adalah suatu perkara yang keji dan dibenci Allah serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan)

(Surah an-Nisâ': 22)

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : *"Tidak boleh dikumpul antara wanita dengan saudara daripada ayahnya dan tidak boleh dikumpul antara wanita dengan saudara daripada ibunya."*

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

Larangan ini bertujuan untuk memelihara ikatan dan jalinan kekeluargaan yang sedia ada dengan mengelakkan timbulnya perasaan cemburu, dan iri hati sesama sendiri.

iii. Bersikap Adil

Adil merupakan syarat utama yang membolehkan seseorang lelaki itu mengamalkan poligami. Agama Islam amat menitikberatkan keadilan dalam amalan hidup berpoligami. Adil yang dimaksudkan ini merangkumi pelbagai segi lahiriah iaitu dari segi pembahagian nafkah, makan minum, pakaian, tempat tinggal dan waktu untuk bersama setiap isteri serta perkara-perkara lain yang berbentuk kebendaan.

Manakala keadilan dalam bentuk cinta dan kasih sayang tidaklah menjadi satu syarat utama, kerana ia termasuk dalam kekuasaan Allah, sekalipun manusia sendiri merupakan faktor utama dalam mewujudkan kasih sayang tersebut.

iv. Giliran

Seseorang suami yang mengamalkan poligami wajib menyediakan giliran yang sama dan adil terhadap isteri-isterinya. Sekiranya suami mempunyai dua orang isteri dan salah seorang daripada isterinya itu merdeka dan seorang lagi hamba, maka giliran bagi isteri yang merdeka adalah dua malam dan bagi isteri yang hamba itu satu malam sahaja.

Apabila suami berkahwin dengan seorang gadis, maka gadis tersebut berhak mendapat giliran selama tujuh malam berturut-turut dari hari perkahwinannya. Jika yang dikahwininya itu seorang janda, maka dia berhak untuk mendapat giliran selama tiga malam berturut-turut, sebagaimana maksud hadis Rasulullah: *"Tujuh malam bagi dara*

dan tiga malam bagi janda." Hadis riwayat Ibnu Majah

Namun giliran tersebut akan kembali seperti biasa dan sama dengan isteri-isteri yang lain selepas tempoh yang telah diberikan tadi.

v. Berkuasa Menanggung Nafkah

Apa yang dimaksudkan di sini ialah nafkah zahir. Para ulama bersetuju dan sependapat bahawa apa yang dikatakan berkuasa menanggung nafkah ialah sanggup menyediakan makanan, tempat tinggal, pakaian dan perkara-perkara lain yang berbentuk kebendaan dan diperlukan oleh setiap isteri atau lebih jelas dikatakan keperluan asasi. Pemberian nafkah ini juga bergantung kepada kemampuan suami. Jika suami merupakan seorang yang agak susah, maka kadar nafkah yang perlu diberikan kepada isterinya adalah mengikut kadar nafkah yang biasa diberikan orang susah kepada isteri mereka walaupun jika ditakdirkan isterinya itu dari golongan yang berada. Begitu pula sebaliknya, jika suami daripada golongan kaya, maka nafkah yang diberikan mengikut sukat-sukat orang berada walaupun isterinya bukan daripada golongan berada.

Kesimpulan

Dari apa yang dibincangkan di atas, jelas bahawa peraturan yang ditentukan oleh Allah itu adalah semata-mata untuk menjamin kesejahteraan, keamanan dan ketenteraman umat Islam dalam menjalani kehidupan.

Pensyariatan poligami ini juga memperlihatkan kepada umum bagaimana kaum wanita Islam yang beriman membenarkan suaminya mengamalkan poligami jika mereka tidak dapat menyempurnakan tanggungjawab sebagai isteri sepenuhnya dan apabila didapati suaminya itu mampu untuk menyempurnakan syarat-syarat yang telah digariskan oleh Islam tanpa mengabaikan tanggungjawab yang sedia ada.

Kesemua ini bertujuan untuk mengelak

atau menghindarkan berlakunya gejala yang tidak sihat seperti perzinaan atau suami meninggalkan isteri dengan jalan yang salah atau tidak memberi nafkah dan sebagainya hanya kerana isteri tadi tidak dapat memenuhi keinginannya disebabkan kesihatan atau sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, seorang suami itu tidak boleh mengambil kesempatan yang telah diberikan ini untuk berkahwin lebih dari satu semata-mata kerana adanya keharusan berpoligami oleh syara'. Sebaliknya suami mestilah memastikan bahawa dia benar-benar mampu dari pelbagai sudut sama ada dari segi tanggungan zahir mahupun kewajiban lain sebagai suami yang bertanggungjawab sebagaimana yang digariskan oleh Islam.

Namun apa yang sering berlaku di kalangan masyarakat kita hari ini, perselisihan, pertengkaran, rasa tidak puas hati, benci, hasad dengki dan seumpamanya sering terjadi di kalangan mereka yang terlibat dengan poligami. Ini timbul daripada sikap dan ketidakadilan para suami yang jelas tidak memenuhi kehendak syara'.

Sebaliknya sebahagian besar suami hanya mengambil kesempatan di atas keharusan berpoligami semata-mata untuk memenuhi keinginan nafsu dan keseronokan daripada wanita yang berbeza-beza.

Kesan daripada perbuatan ini melahirkan satu institusi kekeluargaan yang kacau-bilau, tidak aman dan sering menemui kebuntuan penyelesaian apabila berhadapan dengan masalah sama ada di kalangan anak-anak mahupun isteri yang terlibat.

Sedangkan poligami yang diharuskan oleh Islam itu telah jelas tujuan dan manfaatnya ke atas kedua-dua pihak sama ada isteri mahupun suami tanpa menyusahkan keduanya. Malah ia merupakan satu cara untuk membuat kebajikan, saling bantu membantu di kalangan keluarga seterusnya mampu mengeratkan lagi kasih sayang serta persaudaraan sesama Islam. Ini kerana perkahwinan itu sendiri pada asasnya adalah suatu yang murni.

17 ذُو الْقَعْدَةِ 1426 هـ
سِينَمْبَر 2005



Pembentangan Kertas Kerja bagi sesi pagi



Salah satu usaha dalam memberikan bimbingan kepada masyarakat Islam di negara ini khususnya yang berhubungkait dengan ajaran dan hukum syara' Jabatan Mufti Kerajaan. Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Seminar Ibadat Korban. Ianya berlangsung pada 17 Zulkaedah, 1426 bersamaan dengan 19 Disember, 2005 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Perasmian Seminar selama sehari itu dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan. Majlis kemudian diikuti dengan ucapnama dan perasmian seminar oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.



Lima kertas kerja telah dibentangkan di Seminar tersebut iaitu :

TAJUK KERTAS KERJA	PEMBENTANG
Ibadat Korban dan Fadhilatnya	Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, <i>Timbalan Mufti Kerajaan.</i>
Daging Korban: Hak Orang Miskin dan Orang Kaya	Yang Mulia Haji Mazanan bin Haji Yusof <i>Ketua Pegawai Penyelidik Ugama.</i>
Peranan Wakalah dalam Ibadat Korban	Yang Mulia Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin <i>Ketua Pegawai Istibat.</i>
Pemilihan dan Penyembelihan Binatang Korban	Yang Mulia Haji Mas Reduan bin Haji Jumat, <i>Pegawai Penyelidik Ugama Kanan</i> Yang Mulia Haji Dennie bin Haji Abdullah, <i>Pegawai Istibat Kanan</i>
Pemilihan dan Penyembelihan: Pengalaman Mulaut Abattoir	Yang Mulia Pengiran Imran bin Pengiran Haji Sabli Yang Mulia Awang Yusran bin Abdullah



Seramai lebih 400 orang peserta mewakili kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, imam-imam, penghulu dan ketua kampung, wakil pusat-pusat penyembelihan dan orang ramai telah menyertai seminar tersebut. Di samping itu beberapa pameran buku dan produk penyembelihan juga diadakan di hari tersebut.

Seminar tersebut sedikit sebanyak telah mencapai objektifnya dalam memberi bimbingan, menghalusi lagi pelaksanaan dan pengendalian ibadat korban selaras dengan apa yang digariskan oleh syara'.




Pembentangan Kertas Kerja bagi sesi petang

**BUKU
'BEST SELLER'**



**Jangan ketinggalan
untuk Memiliki buku-
buku 'BEST SELLER',
dan nantikan buku
terbitan terbaru.**



**TERBITAN
TERBARU**



**SEGERA
DI PASARAN**

**UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA DATANG KE DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM
Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, BSB, BA 2112, Negara Brunei Darussalam.
Tel. 2235121 / 2224955**

PENDIDIKAN AGAMA YANG SEMPURNA MATLAMAT KITA

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa pendidikan agama yang sempurna adalah menjadi matlamat kita.

Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam sentiasa berhasrat untuk mempunyai rakyat yang berilmu, beriman dan bertaqwa supaya dengan itu keberkatan akan melimpah ruah dari langit dan tumbuh dari bumi.

"Kerajaan benar-benar mengambil berat pendidikan agama supaya kita mampu membawa negara ini kepada keselamatan yang sebenar-benarnya. Bukan keselamatan pendekatan manusia, tetapi keselamatan pendekatan Allah yang diajarkan kepada manusia", titah baginda.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Sambutan Nuzul Al-Qur'an sejourus keberangkatan tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara bagi tahun 1426 Hijriyah yang berlangsung pada hari Jumaat 21, Oktober, 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menjelaskan bahawa negara ini tidak mahu melihat rakyat dan penduduknya mengeluh kerana tidak

pandai membaca al-Qur'an dan berharap agar Negara Brunei Darussalam tegak menjadi sebuah negara al-Qur'an.

Al-Qur'an menurut baginda, mestilah diberikan hati oleh ummah dengan memperbanyakkan membacanya. Kita mesti berubat dengan al-Qur'an kerana ianya merupakan ubat yang mujarab.

bersambung ke muka 4



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengurniakan hadiah kepada Awang Mohammad Raihan bin Haji Mohd. Sahri, Juara Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Surah-surah pilihan bagi kategori A.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada Dayang Syahierah binti Haji Japar Pemenang ketiga Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Surah-Surah pilihan Kategori A.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta* Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn / fatwa@brunet.bn dan penerbitanjmk@netkad.com.bn

Dicetak oleh: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.